

Diplomasi tetap jadi amalan

LANGKAWI, Isnin – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan Malaysia tetap berpegang kepada prinsip menyelesaikan masalah melalui rundingan diplomatik, bukan dengan kekuatan tentera.

Menurut Perdana Menteri, meskipun Malaysia terus membentuk angkatan tentera yang kuat, ia tetap sentiasa berpegang teguh kepada prinsip menyelesaikan masalah melalui rundingan diplomatik.

Menurutnya, sebuah angkatan tentera yang kuat dan berupaya memainkan perannya secara profesional, akan dihormati dan disegani.

“Penubuhan Pasukan Aturgerak Cepat Angkatan Tentera Malaysia (PAC ATM) bertujuan memberi pilihan kepada kerajaan dalam proses penyelesaian konflik.

“Pada masa yang sama, satu pasukan simpanan strategik hendaklah sentiasa bersedia sedia untuk diaturgerakkan dengan cepat apabila diperlukan. Semoga PAC ATM menjadi pasukan simpanan strategik yang sentiasa bersedia,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap di hadapan 1,450 anggota PAC ATM termasuk anggota 10 Briged Para, Tentera Udara Diraja Malaysia dan Tentera Laut Diraja Malaysia

sempena pengisytiharan status operasi PAC ATM di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat di sini, hari ini.

Dr Mahathir kemudiannya menganugerahkan beret merah tua kepada Panglima 10 Briged Para, Brig Jen, Hashim Husin.

Sebelum itu, Perdana Menteri menyaksikan Ekseksais Halilintar mem-

LIHAT MUKA 4

Diplomasi tetap jadi amalan

DARI MUKA 1

bitkan semua anggota PAC ATM serta pesawat pejuang TUDM. Hadir sama ialah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak dan Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Borhan Ahmad.

Perdana Menteri juga berkata, selaras dengan Dasar Pertahanan Negara, kerajaan melaksanakan proses pemodenan ATM terutama dari segi struktur organisasi dan peralatan sistem persenjataannya.

Menurutnya, dalam Rancangan Malaysia Keenam, kerajaan memperuntukkan RM8,411 juta atau 14.4 peratus daripada Belanjawan Negara untuk pertahanan negara.

“Pembelian senjata baru bukanlah untuk bersaing dengan mana-mana negara sebaliknya sekadar mengikuti kecanggihan sistem pertahanan moden di samping mengganti peralatan usang.

“Fungsi ATM kini bertambah membabitkan keselamatan Kawasan Perairan Zon Eksklusif

Ekonomi (ZEE) yang kaya dengan sumber asli seperti minyak dan gas,” katanya.

Beliau berkata, pendekatan yang diambil selaras Wawasan 2020 yang menuntut semua bidang kenegaraan dibangunkan supaya negara dapat menghadapi cabaran menjadi sebuah negara maju.

Sementara itu, ketika ditemui pemberita, Perdana Menteri berkata, peruntukan 14.4 peratus bagi pertahanan dalam Belanjawan Negara adalah memadai dalam sesebuah negara yang aman.

“Apabila perlu kita akan tambah. Di mana-mana negara pun, 14 peratus dalam zaman aman adalah sukar dipercayai. Jika kita tidak dapat menambahnya bukan bererti kita tidak memberi tumpuan,” katanya.

Mengulas *Ekseksais Halilintar*, beliau kagum kerana pencapaian anggota PAC ATM adalah setaraf dengan tentera negara maju terutama dalam aktiviti gerak cepat.